



DIHUKUM: Yit (dua kiri) diiringi keluar dari kamar mahkamah oleh anggota polis di Kompleks Mahkamah Kuching semalam. — Gambar Kentigern Mlinggu

Penagih dadah tegar dipenjara tujuh tahun, kena tiga sebatan

KUCHING: Seorang pemandu lori dari Sibu dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan dikenakan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas kesalahan menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine berulang kali.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Yit Haw Chii sebaik dia mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39C(2)

akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara selama tempoh antara tujuh hingga 13 tahun, bersama-sama dengan sebatan tidak kurang daripada tiga sebatan tetapi tidak lebih daripada enam sebatan, jika sabit kesalahan.

Iris turut memerintahkan Yit menjalani pengawasan selama dua tahun selesai menjalani hukuman.

Mengikut pertuduhan, Yit didakwa melakukan kesalahan itu di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Daerah Lundu seki-

tar jam 10.35 pagi pada 15 Januari tahun ini.

Dia mempunyai lima sabitan terdahulu bagi kesalahan yang sama di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952, dengan satu pada 2019 dan empat pada 2020, bersama satu sabitan di bawah Seksyen 12(2) pada 2021 dan satu lagi di bawah Seksyen 39C pada 2024.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff manakala Yit tidak diwakili peguam.